



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2020**

Rujukan : Bil ( 33 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

28 Ogos 2020

Setiausaha Bandaraya  
Pengarah-Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan/Unit  
Semua Ketua Bahagian,  
Pembantu Tadbir (Kanan)  
Majlis Bandaraya Ipoh

**HAD KUASA KELULUSAN PEROLEHAN MAJLIS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Majlis telah bersetuju dan memutuskan had kuasa melulus perbelanjaan adalah seperti berikut:

| BIL | JAWATAN                 | KUASA MELULUS            | HAD PEROLEHAN              |
|-----|-------------------------|--------------------------|----------------------------|
| 1.  | Setiausaha Bandaraya    | Semua                    | Tidak melebihi RM20,000.00 |
| 2.  | Pengarah Kanan          | Sektor Berkenaan         | Tidak melebihi RM15,000.00 |
| 3.  | Pengarah Jabatan / Unit | Jabatan / Unit berkenaan | Tidak melebihi RM10,000.00 |
| 4.  | Ketua Bahagian (K&B)    | PTJ berkenaan            | Tidak melebihi RM2,000.00  |

3. Kuasa melulus perbelanjaan dan menandatangani Permohonan Pembelian (MBI 2/86) tidak boleh diturunkan kepada pegawai yang memangku / menanggung kerja dan perlu dibawa kepada Kuasa Melulus yang lebih tinggi kecuali YBhg. Datuk Bandar telah menurunkan kuasa meluluskan perbelanjaan kepada pegawai berkenaan.

## **ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2020**

Rujukan : Bil ( 33 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

### **KUASA MELULUS PERBELANJAAN DAN PEROLEHAN MAJLIS**

4. Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta. Perhatian, kerjasama, dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai bagi memastikan kelancaran proses perolehan dan pembayaran Majlis.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD, DPMP., AMP., PPT.)**  
Datuk Bandar Ipoh  
Majlis Bandaraya Ipoh

**“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**